

**Rakaman Visual Perhimpunan Bersih 3.0 Disiar Selepas Diteliti Panel - KDN
Bernama
6 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 6 Jun (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri (KDN) memaklumkan bahawa rakaman visual perhimpunan Bersih 3.0 pada 28 April lalu akan disiarkan kepada umum selepas Panel Penasihat Bebas selesai meneliti terlebih dahulu keseluruhan rakaman yang telah diserahkan kepada mereka sebelum ini.

Ketua Setiausaha KDN, Datuk Abdul Rahim Mohd Radzi dalam satu kenyataan berkata Panel Penasihat Bebas wajar diberikan ruang dan masa secukupnya bagi membuat penilaian ke atas setiap rakaman tersebut.

Justeru, katanya KDN akan mengambil maklum setiap pandangan dan nasihat daripada panel itu yang akan mengadakan mesyuarat Isnin ini.

Sebelum ini Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata KDN akan memuat naik rakaman video perhimpunan tersebut dalam laman web kementerian itu hari ini untuk dilihat dan dinilai sendiri oleh orang ramai.

Katanya langkah kementerian menunjukkan rakaman yang diperoleh daripada pelbagai pihak itu bertujuan membolehkan orang ramai mendapat perspektif sebenar tentang kejadian dalam perhimpunan itu.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=671244>